

23/06/2001

Konvensyen atur strategi rampas semula Terengganu, Kelantan

BADAN Perhubungan Umno Terengganu dan Kelantan akan mengadakan konvensyen bersama selewat-lewatnya akhir tahun ini, bagi merangka strategi bersama untuk merampas kembali pemerintahan kedua-dua negeri itu daripada Pas.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Datuk Annuar Musa, berkata sehingga kini kedua-dua badan itu sudah bersetuju dan kini mencari isu yang akan dibincangkan dalam konvensyen itu.

"Kita akan mendapatkan bantuan daripada pihak tertinggi parti untuk menetapkan tarikh sesuai jika kedua-dua badan ini menemui isi kandungan yang akan dibincangkan dalam konvensyen itu," katanya ketika ditemui selepas perhimpunan berhenti rehat untuk solat Jumaat.

Konvensyen itu akan diadakan secara tertutup dan kedua-dua pihak itu akan mencari jalan strategi bersama seperti menetapkan kawasan sasaran, kaedah dan pendekatan yang akan digunakan untuk menarik semula sokongan pengundi di Kelantan dan Terengganu.

"Resolusi konvensyen itu akan dibawa ke Kerajaan Pusat dan jika diterima kita mahu parti lakukan seperti di Sabah yang berjaya merampas kembali negeri itu daripada parti pembangkang.

"Tiada sebab kita tidak boleh berjaya... semuanya kita ada termasuk Presiden seperti Dr Mahathir yang bersikap terus terang dalam menguruskan parti," katanya.

Anuar berkata, bagaimanapun ia tidak bermakna dalam pilihan raya 2004, Umno perlu memberi tumpuan kepada dua negeri itu sahaja sebaliknya mesti memberi tumpuan kepada semua negeri bagi memastikan tiada satu pun yang jatuh ke tangan pembangkang.

"Cuma, Kelantan dan Terengganu perlu diberi lebih tumpuan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu perlu berjaga-jaga kerana Umno pasti berjaya menawan semula negeri itu kerana orang Melayu kini mula sedar hanya Umno saja yang mampu membawa perubahan.

"Saya yakin keputusan pilihan raya 2004 akan berubah. Dalam sejarah pilihan raya, kejatuhan Kelantan kepada Pas disebabkan Umno perpecah dua apabila Tengku Razaleigh Hamzah menubuhkan Semangat 46," katanya.

(END)